

DIMENSI PERSONALITI WIRA DALAM KUMPULAN CERITA AWANG BATIL

MADIAWATI MAMAT@MUSTAFA*

Universiti Malaya
atie@um.edu.my

NURHAMIZAH HASHIM

Universiti Malaya
aaee@um.edu.my

NURHANIS SHAHIDDAN

Universiti Malaya
nurhanis189@um.edu.my

*Pengarang perantara

ABSTRAK

Kajian ini meneliti dimensi personaliti watak wira dalam tiga buah cerita Awang Batil, iaitu *Awang Ada Duit Semua Jadi*, *Awang Akar Larak*, dan *Awang Betui*, menggunakan kerangka Teori *Big Five Personality* (McCrae & Costa, 1997). Tujuan kajian adalah untuk menjelaskan pola naratif dan ciri personaliti wira serta meneliti makna psikologi yang mendasari perjalanan mereka melalui lima dimensi utama personaliti: keterbukaan (*openness*), kesungguhan (*conscientiousness*), ekstroversi (*extraversion*), kesetujuan (*agreeableness*) dan neurotisme (*neuroticism*). Data diperoleh melalui analisis teks terhadap cerita-cerita Awang Batil yang dikumpulkan melalui kerja lapangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa watak wira menampilkan variasi personaliti yang kompleks, misalnya, wira menghadapi tekanan hidup menunjukkan neurotisme yang tinggi, manakala wira yang mudah mempercayai orang lain menonjolkan *agreeableness* dan wira yang tegas dalam mempertahankan prinsip menunjukkan *conscientiousness* yang tinggi. Kajian ini merumuskan bahawa kumpulan cerita Awang Batil bukan sahaja berperanan sebagai hiburan dan satira tetapi juga menjadi wahana untuk memahami dimensi personaliti manusia. Analisis melalui kerangka teori *Big Five Personality* membolehkan sifat-sifat wira dalam sastera rakyat difahami sebagai refleksi keragaman tingkah laku dan keperibadian yang wujud dalam kehidupan manusia sejagat. Rumusannya, kajian ini menegaskan kerelevanan penerapan Teori *Big Five* dalam menyingkap dimensi psikologi wira Awang Batil, sekali gus memperluaskan tafsiran teks tradisi Melayu, mengukuhkan bidang psikologi sastera serta menyumbang kepada usaha pemeliharaan dan penghidupan semula warisan budaya dalam konteks kontemporari. psikologi personaliti watak, memberikan kefahaman yang lebih mendalam terhadap nilai moral, emosi dan dinamika sosial dalam naratif lisan Melayu.

Kata kunci: Awang Batil; *Big Five Personality*; cerita rakyat; watak wira; analisis teks.

DIMENSIONS OF HEROIC PERSONALITY IN THE AWANG BATIL STORIES

ABSTRACT

This study aims to examine the personality dimensions of heroic characters in three Awang Batil tales *Cerita Awang Akar Larak*, *Cerita Awang Ada Duit Semua Jadi*, and *Cerita Awang Betui* using the Big Five Personality Theory framework (Costa & McCrae, 1992). The central question of this research is how the personality traits of these heroes can be interpreted through the five major dimensions: openness, conscientiousness, extraversion, agreeableness, and neuroticism. To achieve this objective, the study employs textual analysis of Awang Batil stories collected through fieldwork. Out of eleven identified story clusters, three were selected for analysis because they prominently portray significant heroic personalities. The findings reveal that the heroes in Awang Batil stories display complex variations of personality traits. For instance, in *Cerita Awang Akar Larak*, the hero demonstrates high levels of neuroticism due to life pressures; in *Cerita Awang Betui*, the hero exhibits excessive agreeableness and openness, which often lead to misunderstandings; while in *Cerita Awang Ada Duit Semua Jadi*, the hero shows a strong tendency toward conscientiousness and firmness in upholding principles. The study concludes that the Awang Batil story corpus serves not only as entertainment and satire but also as a medium for understanding human personality dimensions. Through Big Five Personality analysis, the heroes' traits can be interpreted as reflections of the diversity of human behavior and character across the universal human experience. In summary, this study affirms the relevance of applying the Big Five Theory in uncovering the psychological dimensions of Awang Batil's hero, thereby broadening the interpretation of Malay traditional texts, strengthening the field of literary psychology, and contributing to the preservation and revitalization of cultural heritage in the contemporary context. It also highlights the psychology of character personality, offering deeper insights into the moral values, emotions, and social dynamics embedded in Malay oral narratives.

Keywords: Awang Batil; Big Five Personality; folk tales; hero character; textual analysis.

PENGENALAN

Tradisi lisan Awang Batil merupakan warisan sastra Melayu yang sarat dengan nilai estetika, falsafah hidup, nilai sosial dan gambaran psikologi masyarakat. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan rakyat, malah menjadi medium penyampaian budaya, pendidikan moral dan kritikan sosial. Di Perlis, keunikannya terserlah melalui gabungan naratif penceritaan dengan persembahan berirama menggunakan ketukan batil. Menurut Madiawati Mamat dan Maizira Abdul Majid (2024, p.41), tradisi ini berteraskan dua aspek utama yang saling melengkapi, iaitu naratif cerita dan persembahan instrumen. Gabungan tersebut memperlihatkan kehalusan estetika seni yang

memperkukuh fungsi tradisi lisan sebagai hiburan, wadah pendidikan dan pewarisan nilai masyarakat. Gaya penceritaan yang humoris dan dramatik oleh penglipur lara seperti Romli Mahamud turut mencerminkan realiti sosial serta harapan masyarakat setempat.

Watak utama dalam cerita-cerita Awang Batil lazimnya digambarkan berada dalam keadaan daif, miskin atau diuji pada awal naratif. Mustaffa Mohd. Isa (1987) menjelaskan bahawa wira dari kalangan pemuda desa mudah dikenali, pertama melalui nama mereka, seperti Awang dan kedua melalui latar belakang serta kelemahan mereka. Mereka sering digambarkan miskin, tinggal bersama ibu, gemar berangan, mudah berputus asa, pemalas dan bercakap besar. Namun, sama ada kerana mencari sesuatu atau akibat menjadi mangsa keadaan, wira ini akhirnya terpaksa mengembara. Dalam pengembaraan tersebut, mereka memperoleh kejayaan yang membawa perubahan besar terhadap perwatakan mereka, contohnya daripada pemalas menjadi rajin, daripada miskin menjadi kaya atau daripada rakyat biasa diangkat menjadi menantu raja atau bahkan menjadi raja sendiri.

Corak naratif sebegini selari dengan dapatan sarjana klasik seperti Propp (1928), Campbell (1949), Thompson (1955–1958) dan Krappe (1930, 1962), turut membuktikan bahawa motif wira dalam cerita rakyat bersifat sejagat, iaitu menampilkan watak utama yang bermula dalam keadaan daif atau terpinggir sebelum melalui pelbagai cabaran dan akhirnya mencapai kejayaan serta pengiktirafan. Dalam konteks psikologi moden, Teori *Big Five Personality* (McCrae & Costa, 1997) menyediakan kerangka untuk memahami variasi personaliti manusia. Lima dimensi personaliti seperti keterbukaan terhadap pengalaman (*openness*), kesungguhan (*conscientiousness*), ekstroversi (*extraversion*), kesetujuan (*agreeableness*) dan neurotisme (*neuroticism*) memperlihatkan bagaimana individu berfikir, merasa dan bertindak serta menyesuaikan diri dengan cabaran hidup.

Kajian ini menumpukan kepada tiga cerita Awang Batil, iaitu *Awang Ada Duit Semua Jadi (CAADSJ)*, *Awang Akar Larak (CAAL)* dan *Awang Betui (CAB)*, dengan objektif untuk menjelaskan pola naratif dan ciri personaliti wira serta meneliti makna psikologi yang mendasari perjalanan mereka melalui kerangka *Big Five*. Analisis ini diharapkan dapat memperluas pemahaman terhadap fungsi sastera tradisional dan menunjukkan bagaimana warisan lisan Melayu dapat ditafsir secara sistematik melalui pendekatan psikologi kontemporari.

METODOLOGI

Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis teks bagi meneliti dimensi personaliti watak wira dalam kumpulan cerita Awang Batil berasaskan *Teori Big Five Personality*. Reka bentuk kajian kualitatif dipilih kerana data kajian berbentuk naratif yang memerlukan penafsiran peristiwa untuk memahami aspek psikologi yang terkandung di dalamnya. Fokus kajian diberikan kepada kumpulan cerita Awang Batil yang ditransliterasi daripada pengumpulan cerita lisan, dengan penekanan terhadap sifat keperibadian wira yang menjadi penggerak utama perkembangan naratif.

Korpus kajian ini terdiri daripada tiga buah cerita Awang Batil, iaitu *CAADSJ*, *CAAL* dan *CAB*. Justifikasi pemilihan ketiga-tiga cerita ini adalah berasaskan naratifnya yang menonjolkan perjalanan seorang wira yang bermula dengan penderitaan, melalui pelbagai cabaran dan akhirnya mencapai kejayaan atau penyelesaian tertentu. Sumber data kajian merangkumi dua kategori, iaitu data primer dan data sekunder. Data primer diperoleh daripada transkripsi cerita Awang Batil yang dirakam melalui dokumentasi persembahan penglipur lara di Perlis, manakala data sekunder

diperoleh daripada bahan bacaan seperti buku, artikel jurnal, tesis, serta penulisan ilmiah yang membincangkan aspek personaliti, Teori *Big Five Personality*, kajian psikologi naratif dan penyelidikan berkaitan cerita rakyat Melayu.

TEORI

Teori *Big Five Personality* merupakan salah satu teori psikologi personaliti yang banyak diaplikasikan dalam pelbagai bidang. Teori ini lahir daripada tradisi kajian sifat (*trait theory*) yang menggunakan analisis faktor terhadap ribuan istilah bahasa berkaitan ciri personaliti. Melalui proses penyaringan empirikal tersebut, penyelidik berjaya merumuskan lima dimensi asas yang dianggap mampu mewakili struktur personaliti manusia secara menyeluruh (McCrae & John, 1992; Costa & McCrae, 1995; McCrae & Costa, 1997).

Lima dimensi yang dimaksudkan ialah keterbukaan terhadap pengalaman (*openness to experience*), kesungguhan (*conscientiousness*), ekstroversi (*extraversion*), kesetujuan (*agreeableness*), dan neurotisme (*neuroticism*). *Openness to experience* menggambarkan keterbukaan terhadap idea baharu, kreativiti, serta imaginasi. *Conscientiousness* menekankan aspek disiplin diri, tanggungjawab, dan kecekapan mengatur kehidupan. *Extraversion* pula merujuk kepada tahap keterbukaan sosial, keberanian serta keaktifan dalam berinteraksi. *Agreeableness* berkait rapat dengan empati, sifat tolak ansur serta kecenderungan untuk bekerjasama. Akhir sekali, *neuroticism* merujuk kepada kestabilan emosi dan kecenderungan individu terhadap keresahan serta tekanan psikologi (Costa & McCrae, 1992).

Terdapat kajian-kajian yang menyatakan bahawa teori ini bukan sekadar sebuah model pengelasan sifat, tetapi boleh dianggap sebagai teori personaliti yang lengkap. Hal ini kerana ia bukan sahaja menjelaskan ciri-ciri utama manusia, malah mampu meramal pelbagai bentuk tingkah laku merentas konteks budaya, jantina dan umur (Digman, 1990; McCrae & Costa, 2008). Justeru, *Big Five Personality* menyediakan kerangka konseptual yang stabil dan konsisten untuk memahami bagaimana personaliti terbentuk serta berfungsi dalam kehidupan seharian.

Namun demikian, model ini tidak terlepas daripada kritikan. Antaranya, Teori *Big Five Personality* dianggap terlalu deskriptif tanpa memberikan penjelasan mendalam tentang mekanisme asas pembentukan personaliti. Sesetengah sarjana juga berpendapat bahawa lima faktor tersebut belum cukup untuk menggambarkan kerumitan personaliti manusia yang sebenar (Block, 1995). Walaupun begitu, kekuatan empirikal serta kebolegunaannya dalam pelbagai bidang termasuk psikologi, pendidikan, pengurusan dan juga sastera menjadikan teori ini sebagai salah satu teori personaliti paling dominan dalam psikologi moden. Ia bukan sahaja menjadi asas kepada pengukuran personaliti, tetapi juga sebuah kerangka teori yang berupaya menghubungkan antara ciri individu dengan corak tingkah laku serta pencapaian hidup mereka (Costa & McCrae, 1995).

Secara keseluruhan, teori ini membantu menjelaskan bahawa perbezaan personaliti manusia adalah hasil kombinasi daripada kelima-lima dimensi tersebut. Teori ini juga diaplikasikan secara meluas dalam bidang sumber manusia bagi tujuan pemilihan dan penempatan pekerjaan, dalam pendidikan untuk memahami gaya pembelajaran pelajar serta dalam psikologi bagi menilai kecenderungan emosi dan tingkah laku individu. Justeru, karya sastera juga memaparkan emosi dan tingkah laku manusia yang boleh dianalisis atau diaplikasikan menggunakan teori ini.

SOROTAN KAJIAN

Tradisi lisan telah lama mendapat perhatian dalam bidang kesusasteraan dan kebudayaan Melayu. Mohd Taib Osman (1991) menyatakan bahawa tradisi lisan merupakan bentuk kesusasteraan tertua, manakala Ismail Hamid (1987) menegaskan bahawa ia lahir lebih awal berbanding bentuk kesusasteraan lain dalam masyarakat. Tradisi ini berfungsi bukan sahaja sebagai hiburan, tetapi juga sebagai medium penyampaian pengetahuan, nilai, dan identiti budaya.

Dalam konteks Awang Batil, Mustafa Mohd Isa (1987) meneliti latar belakang Mahmud Wahid serta naratif Awang Belanga yang memperlihatkan kesinambungan tradisi ini dari generasi ke generasi. Kajian tersebut menekankan peranan penglipur lara sebagai pewaris tradisi lisan dan penjaga identiti budaya tempatan. Namun, dalam era kontemporari, Awang Batil berdepan cabaran kelangsungan. Mohamed Nazreen et al. (2016) meneliti bagaimana seni tradisi ini semakin terpinggir akibat kemajuan teknologi dan perubahan citarasa masyarakat. Justeru, usaha dokumentasi dan revitalisasi amat penting agar warisan ini tidak lenyap ditelan zaman. Dari segi fungsi dan falsafah, Mohd Syamril Akllmar Chek Kassim (2014) menegaskan bahawa penceritaan Awang Batil mengandungi nilai moral dan pendidikan, manakala Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2015) membuat perbandingan dengan tradisi penglipur lara masyarakat Jakun untuk memperlihatkan persamaan dan perbezaan dari sudut naratif, fungsi sosial dan identiti budaya.

Dari perspektif instrumen dan estetika, Mohd Ghouse Nasuruddin (1991) menjelaskan kepelbagaian alat muzik tradisional Melayu seperti membranofon, idiofon, dan aerofon yang berperanan penting dalam pelbagai seni persembahan. Dalam Awang Batil, instrumen seperti batil, serunai, gendang, dan biola bukan sekadar alat iringan, tetapi menjadi medium ekspresi emosi, penanda babak, pencipta suasana dramatik serta simbol warisan budaya (Madiawati & Maizira, 2024). Penggunaan topeng turut menambahkan dimensi dramatik dan estetika visual. Artikel terkini oleh Madiawati Mamat@Mustaffa dan Maizira Abdul Majid (2024) menggunakan pendekatan *Persepsi Estetika* Stolnitz (1960) untuk menilai fungsi, falsafah, dan peranan instrumen dalam Awang Batil, yang menegaskan aspek “bentuk” (form) dalam seni sebagai elemen penting dalam memperkayakan naratif lisan dan meningkatkan penghayatan penonton.

Kajian dalam bidang kesusasteraan Melayu yang menggunakan Teori *The Big Five Personality* pula masih kurang diterokai di Malaysia. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan perhatian kepada aspek psikologi klinikal, personaliti serta kesan neurotisme dalam kehidupan sebenar (Widiger & Oltmanns, 2017). Namun, terdapat kajian yang meneliti dimensi neurotisme dalam karya sastera, antaranya kajian oleh Nurafrina Abdul Aziz, Rohaya Md. Ali dan Mohamed Nazreen Shahul Hamid (2025). Kajian tersebut menganalisis novel *Rahsia Perindu* (2005) karya Ramlee Awang Murshid dan *The Silent Patient* (2019) karya Alex Michaelides melalui pendekatan Costa dan McCrae (1992) bagi mengenal pasti punca, kesan dan mekanisme mengatasi gejala neurotisme. Dapatan menunjukkan bahawa neurotisme berpunca daripada kemurungan, permusuhan, kebimbangan melampau dan tekanan persekitaran manakala kesannya mendorong tindakan impulsif termasuk pembunuhan. Kajian ini turut menegaskan bahawa budaya, agama dan persekitaran mempengaruhi cara watak mengatasi gejala neurotisme. Walau bagaimanapun, penelitian ini hanya menumpukan kepada satu dimensi *Big Five Personality*, iaitu neurotisme, sedangkan dimensi lain seperti ekstreversi, keterbukaan, kesesuaian dan ketelitian masih kurang dikaji dalam konteks sastera.

Kajian Bahri et al. (2024) pula menerapkan Teori *Big Five Personality (OCEAN)* oleh McCrae dan Costa (1997) dalam analisis watak filem animasi *Sing*. Melalui pendekatan kualitatif deskriptif dan analisis kandungan, dapatan menunjukkan bahawa *conscientiousness* merupakan dimensi paling dominan (31.25%), diikuti *neuroticism*, *agreeableness* dan *openness* (18.75% setiap satu), manakala *extraversion* paling rendah (12.5%). Kajian ini membuktikan bahawa personaliti watak dapat digambarkan secara realistik dalam karya visual, sekali gus menegaskan peranan filem sebagai medium memahami perkembangan serta kepelbagaian personaliti manusia berdasarkan teori psikologi.

Selain itu, Mohd Shahremy Ikmal Shahbudin (2021) menganalisis kecenderungan neurotisme dalam novel *Andai Itu Takdirnya* karya Siti Rosmizah dengan menggabungkan Teori *Big Five Personality* (McCrae & Costa, 1997) dan Model Lima Bahagian Padesky (1986). Analisis kandungan terhadap watak Syed Adam Aizril dan Aleya menunjukkan bahawa sifat positif (penyayang, penyabar, cinta) dan sifat negatif (pemarah, cemburu, pendendam, sensitif) menjadi asas pembentukan personaliti. Hasil kajian menegaskan bahawa neurotisme melalui emosi tidak stabil dan konflik dalaman memainkan peranan penting dalam membentuk plot serta realisme watak, sekali gus menjadi panduan kepada pengarang dalam membina watak yang dekat dengan kehidupan sebenar pembaca.

Di luar bidang kesusasteraan Melayu, kajian oleh Mohd Shahremy Ikmal Shahbudin dan Nuraini Yusoff (2017) bertajuk '*Kata Ciptaan*' Remaja Personaliti '*Neurotisme*' di Blog meneliti penggunaan kata ciptaan oleh remaja dalam komunikasi teks di internet. Berdasarkan kerangka Teori *Big Five Personality* (McCrae & Costa, 1997), analisis terhadap kiriman blog dua orang remaja pada tahun 2012 menunjukkan bahawa kata ciptaan berkait rapat dengan pengaruh emosi, sekali gus mencerminkan cara remaja berkomunikasi dalam kelompok mereka tanpa kekangan makna konvensional.

Akhir sekali, Zawiyah Zali dan Shahlan Surat (2022) melalui kajian bertajuk *Mengenal pasti Faktor Personaliti 'Big Five' Terhadap Prestasi Pembelajaran: Satu Kajian Sistemik* meninjau hubungan antara tret personaliti Big Five dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian sistemik ini mendapati bahawa *conscientiousness* merupakan dimensi yang paling mempengaruhi pencapaian akademik, manakala neurotisme merupakan dimensi yang paling kurang memberi kesan.

PERBINCANGAN

Dimensi *Openness* (Keterbukaan)

Dalam tradisi lisan Melayu, watak wira sering digambarkan sebagai individu yang memiliki keberanian, kebijaksanaan serta daya tahan dalam menghadapi cabaran. Hal ini sejajar dengan pandangan Mohd. Taib Osman (1984) yang menegaskan bahawa tokoh wira dalam cerita rakyat Melayu bukan sahaja melambangkan kekuatan fizikal dan kepahlawanan, tetapi turut menjadi lambang keutuhan nilai budaya, khususnya aspek keberanian, kesetiaan dan kebijaksanaan yang tinggi. Dalam konteks cerita Awang Batil, penglipur lara Romli Mahamud menampilkan watak-watak wira yang berpusat pada watak lelaki dengan gelaran Awang. Personaliti wira ini memperlihatkan dimensi keberanian, seperti yang ditunjukkan oleh Awang Akar Larak (AAL) dan Awang Ada Duit Semua Jadi (AADSJ), yang menampilkan ciri khas wira yang boleh dicontohi seperti berani untuk mencuba sesuatu yang baharu demi mengubah nasib diri.

Menurut McCrae & Costa (1997), dimensi *Openness to Experience* (keterbukaan kepada pengalaman) merangkumi sifat imaginatif, ingin tahu, berani mengambil risiko, menghargai keindahan dan sanggup mencuba pengalaman baharu. Ciri ini lazimnya mendorong individu menjadi kreatif, inovatif serta terbuka kepada cabaran hidup. Hal ini tergambar dalam *Cerita Awang Akar Larak (CAAL)*, apabila watak wira yang pada awalnya digambarkan sebagai seorang pemuda miskin yang berputus asa dengan kehidupannya, sehingga mengambil keputusan akhir untuk membunuh diri. Namun, kehadiran seorang tua yang dikenali sebagai Tok Sheikh yang menasihatinya jangan ambil tindakan terburu-buru dan mencadangkan pemuda tersebut untuk mencuba menjadi seorang bomoh bagi mengubah nasib hidup. Awang pada mulanya tidak yakin dengan kemampuan diri, akhirnya menerima cadangan Tok Sheikh walaupun tidak mempunyai pengalaman dalam pengubatan. Keputusan ini memperlihatkan sifat keterbukaan yang selari dengan Teori *Big Five Personality*, iaitu kesediaan untuk menghadapi perkara baharu walaupun penuh dengan ketidakpastian.

Perubahan sikap AAL daripada pasrah kepada berani mencuba sesuatu yang asing membuktikan tahap keterbukaan yang tinggi. Bermula dengan petua ringkas yang dinyatakan oleh Tok Sheikh, iaitu penggunaan sirih, pinang dan intuisi spiritual, AAL mengasah daya imaginasi serta daya inovasi dalam mengubat orang sakit. Kreativiti dalam memanfaatkan pengetahuan asas itu membentuk keperibadian baharu sebagai seorang bomoh yang berjaya memberi manfaat kepada masyarakat. Hal ini menunjukkan hubungan langsung antara ciri *Openness* dengan sifat imaginatif, inovatif dan berani mengubah nasib hidup, yang dalam konteks kesusasteraan Melayu menjadi unsur penting dalam penonjolan watak wira.

Selain itu, keterbukaan watak AAL memperlihatkan fungsi wira dalam sastera rakyat Melayu sebagai lambang harapan dan aspirasi masyarakat. Walaupun bermula daripada latar serba kekurangan, AAL tidak kekal sebagai individu pasrah, sebaliknya menunjukkan keupayaan untuk bangkit dan mencipta kehidupan baharu. Keputusan mencuba bidang perbomohan yang asing dan mencabar itu bukan sahaja menandakan keberanian peribadi, tetapi juga melambangkan cita-cita masyarakat Melayu yang sentiasa terbuka terhadap perubahan. Dimensi *Openness* bukan sekadar ciri psikologi individu, tetapi juga berfungsi sebagai kerangka untuk menjelaskan peranan wira sebagai agen perubahan yang memberi teladan.

CAADSJ turut menampilkan personaliti keterbukaan (*Openness*) yang jelas pada watak utamanya. Sifat ini dapat dilihat melalui keberanian watak Awang menerima tawaran raja untuk berkahwin dengan tuan puteri, meskipun syarat yang dikenakan hampir mustahil dipenuhi, iaitu perlu memberikan cucu tetapi beliau tidak boleh tinggal bersama isterinya. Keputusan Awang untuk menerima cabaran besar ini menggambarkan personaliti wira dalam cerita lisan Melayu yang sanggup menanggung risiko meskipun penuh dengan ketidakpastian. Awang Batil menceritakan peristiwa tersebut seperti, “Hei...Hei...Hei..., dengan itu raja pulak ambil duit bagi kat Awang. Nah duit tiga ribu dinar. Ingat janji sembilan bulan tak dapat, siap kepala...”. Melalui cerita tersebut terlihat risiko besar yang dihadapi oleh Awang, namun beliau tetap tidak menolak peluang tersebut. Keberanian inilah yang memperlihatkan keterbukaan terhadap kemungkinan baharu, sekali gus menunjukkan ciri utama dalam Teori *Big Five Personality* (McCrae & Costa, 1997).

Sikap keterbukaan Awang juga terserlah dalam tindakannya melihat cabaran sebagai peluang. Walaupun sedar bahawa kegagalan memenuhi syarat raja boleh membawa kepada hukuman pancung, AADSJ menanggapi cabaran itu sebagai ruang untuk mengubah taraf hidup diri dan keluarganya. Hal ini menepati ciri keterbukaan yang dijelaskan oleh McCrae & Costa

(1997), iaitu individu yang terbuka sanggup mencuba sesuatu di luar kebiasaan kerana mereka melihat risiko sebagai peluang untuk berkembang. Petikan, “Hei...Hei...Hei..., dia bagi tahu pada ibu dan bapa dia, ‘duit banyak kita jadi orang kaya,’” menggambarkan keyakinan Awang yang tidak dikuasai rasa takut, sebaliknya berfokus pada manfaat dan keuntungan yang bakal diperoleh. Hal ini menegaskan bahawa sikap keterbukaan tidak sekadar keberanian menghadapi cabaran, tetapi juga keupayaan mengubah kesukaran menjadi peluang untuk kejayaan.

Dalam konteks fungsi cerita lipur lara sebagai penghibur hati yang lara, penampilan personaliti watak-watak sedemikian dapat dianggap sebagai penawar dan penghibur. Muhammad Haji Salleh (2021) menyatakan bahawa pendengar yang mengikuti cerita turut memperoleh manfaat melalui penghayatan kisah yang disampaikan. Sejalan dengan itu, Muhammad Firdaus Che Yaccob (2022, p. 158) menjelaskan bahawa cerita rakyat merupakan hasil karya sastera yang mengandungi nilai-nilai positif serta mempunyai hubungan erat dengan masyarakat Melayu kerana ia disampaikan melalui komunikasi dua hala yang berfungsi sebagai hiburan dan juga pendidikan.

Tindakan watak dalam AAL dan AADSJ memperlihatkan peranan watak wira dalam tradisi lisan Melayu sebagai lambang aspirasi masyarakat untuk keluar daripada kesusahan. Awang mewakili sosok rakyat biasa yang hidup sederhana, namun melalui keberanian mencuba sesuatu yang baharu dan berisiko tinggi, beliau berjaya menjadi simbol harapan kepada masyarakat. Keputusan menerima cabaran raja memperlihatkan bahawa watak wira bukan sahaja gagah dari segi fizikal, tetapi yang lebih penting, berani menanggung risiko demi perubahan sosial dan ekonomi. Hal ini seiring dengan sifat keterbukaan (*openness*) yang menekankan imaginasi, keberanian meneroka jalan baharu serta kesediaan menghadapi ketidakpastian demi mencapai kehidupan yang lebih baik.

Dimensi Kesungguhan (*Conscientiousness*)

Dimensi *conscientiousness* atau kesungguhan merujuk kepada kecenderungan individu untuk bersifat tekun, berdisiplin, berpegang teguh pada prinsip serta gigih mencapai matlamat (McCrae & Costa, 1997). Individu yang memiliki ciri ini lazimnya tidak mudah dipengaruhi oleh keadaan sekeliling, sebaliknya tetap mempertahankan pendirian yang diyakini benar meskipun berhadapan dengan cabaran sosial.

Dimensi ini dapat diperhatikan dengan jelas dalam personaliti watak AADSJ. Watak ini digambarkan sebagai seorang wira yang berpegang teguh pada ungkapan “ada duit semua jadi”. Ungkapan tersebut, meskipun kelihatan sinis dan bertentangan dengan norma masyarakat, tetap dipertahankan oleh beliau kerana dianggap mencerminkan realiti kehidupan. Kesungguhan AADSJ menonjolkan ciri *conscientiousness* kerana beliau konsisten mempertahankan keyakinan bahawa wang mempunyai kuasa besar dalam menentukan status, peluang dan penerimaan sosial.

Hal ini turut dipertegas melalui penceritaan Awang Batil yang menggambarkan AADSJ sering mengulang-ulang ungkapan tersebut walaupun tidak sukai oleh masyarakat. Hal ini diceritakan seperti berikut:

“Hei...Hei...Hei..., yang Awang dari kecil sampai besar, dari kanak-kanak sampai remaja, langsung tak tolong kerja, asyik berjalan saja ke sana ke sini. Hulu kampung, hiliq kampung. Kalau nampak orang, dia terus berkata ‘ngada duit kesemua cik ja..di..’. Lama-lama orang kampung pun dah membenci. Dah cemuh pada Awang. Ada juga yang kata Awang tu gila, duk kata yang tu saja.”

(CAADSJ)

Petikan ini memperlihatkan bagaimana konsistensi prinsip watak wira menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan masyarakat. Orang kampung menganggapnya pelik, bahkan gila kerana tindakannya tidak selari dengan nilai kolektif masyarakat. Situasi ini menyerlahkan konflik antara pendirian individu dengan norma sosial, iaitu ketegangan antara kebenaran yang pahit dengan penerimaan masyarakat.

Menurut Malike (2008, p.79), konflik merujuk kepada perselisihan, pergeseran serta interaksi yang sarat dengan emosi dan penentangan. Tindakan Awang jelas mencerminkan bentuk konflik ini kerana idea dan kata-katanya mencabar pemikiran masyarakat. Walau bagaimanapun, meskipun berdepan tekanan luaran, secara dalaman beliau tetap teguh dengan keyakinan bahawa ungkapan atau pendiriannya benar. Ketekalan ini memperlihatkan perubahan psikologi daripada individu biasa kepada sosok wira yang berpegang pada integriti moral.

Ciri *conscientiousness* dalam hal ini bukan sahaja melibatkan kecekalan diri, tetapi juga kesanggupan menanggung risiko sosial demi tujuan yang dianggap benar. Keberanian AADSJ mempertahankan prinsipnya mencerminkan keteguhan dalam mempertahankan pendirian. Di sinilah tergambar nilai kritis cerita rakyat, iaitu ungkapan yang sinis itu sebenarnya menjadi satu bentuk kritikan sosial terhadap budaya materialistik yang lebih menilai seseorang berdasarkan kedudukan ekonomi berbanding integriti.

Dimensi *conscientiousness* juga dapat dilihat melalui watak AAL yang berani berhadapan cabaran besar apabila diminta mengubat raja yang berpura-pura sakit. Dalam situasi tersebut, AAL memilih untuk berkata benar bahawa penyakit raja adalah kritikal dan baginda akan mati. Walaupun kenyataan ini menimbulkan kemurkaan raja, tindakannya tetap menggambarkan keberanian untuk berkata benar dan menolak kepura-puraan. Kejujuran AAL bukan sahaja menonjolkan keberanian peribadi, tetapi juga menjadi kritikan sosial terhadap kecenderungan masyarakat yang mementingkan gelaran daripada menegakkan kebenaran.

Pandangan ini selari dengan Muhammad Haji Salleh (2021) yang menegaskan bahawa sastera tidak sekadar hiburan, tetapi wadah penyampaian nilai dan kebijaksanaan yang merumuskan pelajaran daripada pengalaman manusia. Dalam kerangka tersebut, personaliti watak wira AADSJ dan AAL berperanan sebagai suara kritik yang menegur kepincangan sosial secara tidak langsung.

Ringkasnya, dimensi *conscientiousness* yang ditonjolkan oleh kedua-dua watak ini memperlihatkan sifat tekun, berprinsip, berdisiplin dan berani mempertahankan kebenaran. Melalui kisah mereka, masyarakat diajak merenung nilai kejujuran dan integriti yang wajar dijadikan pengajaran dalam menghadapi cabaran hidup. Justeru, watak AADSJ dan AAL bukan sahaja simbol individu berprinsip, tetapi juga cerminan realiti sosial yang sarat dengan mesej kritikan dan pendidikan.

Dimensi Ekstroversi (*Extraversion*)

Dimensi ekstroversi dalam personaliti wira dalam cerita Awang Batil dapat dilihat melalui sikap peramah, keterbukaan untuk berinteraksi, keberanian tampil ke hadapan serta keupayaan menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi sosial. Teori *Big Five Personality* menjelaskan bahawa individu dengan tahap ekstroversi yang tinggi lazimnya bersikap optimis, bertenaga dan mudah bergaul (McCrae & Costa, 1997).

Sifat ini jelas tergambar pada watak AB yang meskipun digambarkan lurus bendul, tetap menampilkan keperibadian ramah dan mesra. Dalam salah satu cerita, beliau bertemu dengan seekor anjing dan berinteraksi seolah-olah binatang itu memahami percakapannya:

“Hei...Hei...Hei... Awang pon dengan duduk hairan di sana sini. Duk tengok sana tengok sini. Tapi anjing tu tak takut dia. Lama-lama dia kata, ooo hang tau nohh kata aku nak pi beli daging. Jadi hang suruh aku pi beli daginglah. Hang nak kirim dekat aku. Haa boleh-boleh, tapi mana duitnya. Bak mai dekat aku duit. Aku nak pi beli. Anjing pon dok hauk hauk ehmmm. Godek-godek ekoq. Ooo hang suruh aku beli duit aku dulu. Haa takpe dia kata nanti aku pi beli.”

(CAB)

Petikan ini bukan sahaja menonjolkan sifat polos watak AB, tetapi juga memperlihatkan tahap peramah dan suka berinteraksi. Beliau berani menegur, mesra serta terbuka untuk berhubung walaupun dengan haiwan. Walaupun tindakannya kelihatan lucu dan pelik, ia tetap menggambarkan ciri ekstroversi, suka berbicara, bergaul dan tidak segan menonjolkan diri.

Selain menyerlahkan ciri peribadi, ekstroversi watak Awang Betui turut berfungsi sebagai unsur hiburan dalam tradisi lisan Awang Batil. Sikapnya yang selamba, spontan dan ramah mengundang gelak ketawa, sekali gus menjadikan kisahnya dekat dengan khalayak. Watak seperti ini menegaskan fungsi cerita rakyat sebagai wadah hiburan yang sarat dengan nilai sosial.

Sifat ekstroversi dalam diri Awang dalam *CAADSJ* jelas tergambar melalui keberaniannya berdepan dengan tuan puteri. Walaupun pada awalnya tuan puteri tidak memberikan perhatian, Awang tetap berusaha menarik minatnya dengan menyanyi, menggunakan pantun dan bahasa yang puitis. Keupayaan untuk tampil di hadapan khalayak, bahkan di hadapan seorang puteri yang berkedudukan tinggi, menunjukkan keterbukaannya dalam meluahkan ekspresi diri serta keyakinan sosial yang tinggi. Hal ini sejajar dengan ciri ekstroversi yang menekankan sifat peramah, berani serta selesa untuk berada dalam situasi sosial yang mencabar. Peristiwa ini diceritakan oleh Awang Batil seperti berikut;

“Selepas tu Awang tengok Tuan Puteri tak peduli kat dia eh, dia pun nyanyi jugak selagu. Muzik asli ni dimainkan di depan ni mahligai Tuan Puteri. Selepas tu Awang nyanyilah selagu”

(CAADSJ)

Perilaku Awang ini bukan sahaja memperlihatkan keberanian, tetapi juga menonjolkan kemahiran retorik dan seni berbahasa yang menjadi sebahagian daripada strategi sosial seorang wira dalam tradisi lisan Melayu. Hal ini turut diakui oleh Romli Mahamud semasa sesi rakaman,

apabila beliau menjelaskan bahawa penyisipan lagu dalam cerita bukan sahaja berfungsi untuk menjadikan penceritaan lebih menarik tetapi juga sebagai strategi untuk menarik perhatian khalayak penonton agar terus memberi tumpuan kepada jalan cerita.

Dimensi ekstroversi yang ditonjolkan oleh watak-watak wira dalam cerita Awang Batil memperlihatkan bagaimana sikap ramah, mesra dan berani tampil ke hadapan mengeratkan hubungan antara wira, masyarakat serta pendengar. Hal ini bukan sahaja menyerlahkan fungsi hiburan, tetapi juga mengukuhkan nilai didaktik dalam tradisi kesusasteraan Melayu.

Dimensi Kesetujuan (*Agreeableness*)

Dalam *CAADSJ*, wira ditampilkan dengan ciri kesetujuan (*agreeableness*) yang jelas. Menurut McCrae dan Costa (1997), individu yang memiliki tahap kesetujuan yang tinggi cenderung berlembut hati, mudah bertolak ansur, mendengar nasihat orang lain, serta mengutamakan keharmonian sosial. Hal ini tergambar apabila watak Awang pada awalnya enggan mengadap raja kerana rasa takut yang melampau hingga digambarkan panik oleh Awang Batil seperti “nak terkencing, nak terberak”. Gambaran ini menunjukkan sisi watak rakyat yang biasa apabila disuruh untuk mengadap raja. Hal ini diceritakan oleh Awang Batil seperti berikut;

Hei....Hei....Hei.... , dengan itu hulubalang pun kata, "memang betui wahai Awang. Siaplah dengan segera pakaian di badan. Kita pi mengadap raja." Keje denga-q-dengaq tu nak terkencing, nak terberak pun ada, tak pernah jumpa raja.

Hei....Hei....Hei.... , Awang pun bertanya hulubalang, "boleh tukaq orang lain?" Suruh ayah dia pi. Hulubalang kata, "tak boleh. Sat ni raja pancung."

Hei....Hei....Hei.... , dengan itu Awang pun segera minta pada ni hulubalang tunggu sebentar. Dia pi ikut ayah dia, bagi tahu ayah dan ibu di padang.

Hei....Hei....Hei.... , dengan itu Awang pun segera memberitahu ayah dan ibu. Ayah dan ibunya bagi semangat. "Raja bukan pernah makan orang, jangan takut."

Hei....Hei....Hei.... , dengan itu dia balik pulak ke rumah jumpa hulubalang. "Jom kita pi, saya tak takut dah."

(*CAADSJ*)

Namun, setelah ditenangkan oleh ibu bapanya, Awang telah mengubah pendiriannya dan bersetuju untuk menghadap raja walaupun masih diliputi rasa takut. Kesediaannya menerima nasihat memperlihatkan sifat menurut kata orang tua, berlapang dada serta rela mengalah demi kesejahteraan bersama. Inilah ciri utama *agreeableness*, iaitu boleh bertolak ansur dan menjaga keharmonian sosial. Walaupun pada mulanya Awang cuba mengelak dengan bertanya sama ada boleh digantikan oleh orang lain, akhirnya beliau akur dengan tanggungjawab yang ditetapkan. Tindakan ini sejajar dengan nilai moral masyarakat Melayu yang menekankan ketaatan kepada ibu bapa, mendengar nasihat orang tua dan menjaga hubungan baik dalam masyarakat

Sikap *agreeableness* juga dapat diperhatikan pada watak wira dalam *CAB*. Beliau digambarkan memiliki sifat jujur, lurus bendul dan menjunjung nilai amanah walaupun dalam

keadaan yang kelihatan tidak masuk akal. Hal ini dapat dilihat apabila beliau menegur ibunya yang melakukan kesalahan mencuri dengan berkata tegas “*Heh! Mak tak boleh curi duit anjing.*” Pada awalnya, Awang memberitahu bahawa anjing mempunyai banyak duit yang disimpan dalam sebuah rumah di dalam hutan. Ibunya kemudian mengajak Awang mengambil duit tersebut, namun Awang tetap berpegang pada prinsip bahawa duit itu milik anjing dan tidak boleh diambil. Kejujuran serta kesetiaannya pada janji mencerminkan hati yang tulus, malah beliau berasa resah hingga tidak dapat tidur kerana bimbang wang anjing itu dicuri orang.

Namun begitu, sifat *agreeableness* watak AB turut tergambar melalui sikap mudah bertolak ansur dan mengalah. Walaupun menegur dengan tegas pada awalnya, beliau akhirnya akur dengan pujukan ibunya untuk menunjukkan lokasi rumah anjing tersebut. Keadaan ini memperlihatkan sisi lain *agreeableness*, iaitu lebih cenderung menjaga hubungan baik dengan orang tersayang berbanding mempertahankan prinsip diri sepenuhnya.

Watak ini mencerminkan keseimbangan antara nilai positif dan sisi rapuh dalam dimensi kesetiaan, kejujuran, kesetiaan dan empati AB memperlihatkan kemuliaan hati, tetapi sifat polos dan mudah dipengaruhi juga menunjukkan kelemahan yang membuatnya tampak naif. Konflik antara amanah terhadap anjing dan ketaatan kepada ibu menimbulkan unsur jenaka, namun pada masa yang sama menyampaikan nilai moral bahawa sifat bertolak ansur, walaupun kadang membawa kerugian, tetap menjadi teras penting dalam kehidupan bermasyarakat.

Hal ini seiring dengan pandangan Mustaffa Mohd. Isa (1987, p. 113) yang menjelaskan bahawa watak wira dalam cerita Awang Belanga lazimnya digambarkan jujur dan berdedikasi, serta berpegang pada falsafah “*buat baik pasti dibalas baik*”. Walaupun mereka sering diperlihatkan dengan kelemahan lahiriah atau sifat polos, akhirnya sikap patuh, amanah dan kebaikan hati mereka membuahkan ganjaran yang baik. Maka, melalui dimensi *agreeableness*, watak AADSJ dan AB memperlihatkan bahawa kelembutan hati, ketaatan dan keutamaan keharmonian sosial adalah nilai yang dijunjung tinggi dalam tradisi lisan Melayu.

Dimensi Neurotisme (*Neuroticism*)

Neuroticism merujuk kepada tahap kestabilan emosi seseorang individu. Dalam Teori *Big Five Personality*, dimensi ini membahagikan kecenderungan personaliti kepada dua teras utama. Pada teras positif, individu yang rendah tahap *neuroticism* biasanya bersifat tenang (*calm*), berfikiran seimbang (*even-tempered*), berpuas hati dengan diri (*self-satisfied*), selesa (*comfortable*), tidak mudah terpengaruh oleh emosi (*unemotional*) serta tahan lasak (*hardy*). Sifat-sifat ini menunjukkan keupayaan seseorang untuk mengawal tekanan dan berhadapan dengan cabaran hidup tanpa mudah goyah.

Sebaliknya, pada teras negatif, individu yang tinggi tahap *neuroticism* cenderung kepada sifat mudah bimbang (*worrying*), cepat berubah emosi (*temperamental*), suka meratapi nasib diri (*self-pitying*), terlalu sedar akan kelemahan diri (*self-conscious*), mudah terbawa-bawa dengan emosi (*emotional*) serta lemah menghadapi tekanan (*vulnerable*). Sifat-sifat ini menggambarkan kesukaran seseorang mengekalkan kestabilan emosi dan kecenderungan untuk mengalami konflik dalaman serta tekanan psikologi.

Dalam konteks sastera, Nurafrina Abdul Aziz, Rohaya Md. Ali, dan Mohamed Nazreen Shahul Hamid (2025), menjelaskan bahawa penggambaran watak-watak neurotik bukan sahaja menghidupkan penceritaan tetapi turut mencerminkan sisi psikologi manusia yang kompleks.

Watak sebegini lazimnya mendorong perkembangan plot dan mencetuskan ketegangan dramatik, iaitu ciri utama dalam genre thriller psikologi.

Dimensi *neuroticism* dapat membantu mengenal pasti bagaimana seorang wira memberi reaksi terhadap cabaran hidup. Misalnya, wira yang berjiwa kental menunjukkan tahap *neuroticism* rendah kerana mampu mengawal diri walaupun berdepan kesusahan, manakala wira yang mudah goyah emosi menggambarkan tahap *neuroticism* tinggi.

Watak AAL dalam cerita Awang Batil memperlihatkan manifestasi *neurotisisme* yang tinggi. Melalui penceritaan, dapat dilihat bagaimana penggunaan bahasa dan naratif yang dipilih menggambarkan tekanan emosi yang dialami oleh watak tersebut. Hal ini penting kerana dalam konteks psikologi personaliti, *neurotisisme* merujuk kepada tahap kestabilan emosi individu dan AAL menjadi contoh jelas bagaimana ketidakstabilan tersebut boleh membawa kepada tindakan tragis. Hal ini dapat dilihat dengan petikan cerita seperti berikut;

Hei....Hei....Hei....

Ada pulak di suatu ni hari hujan pun turun. Awang duk termenung di muka pintu. Dia langkah pintu, dia fikir panjang. Panjang sungguh. Lama-lama dia hilang ni punca. Habis doh kita. Dia kata “lebih daripada hidup baik mati”.

Hei....Hei....Hei....

Dengan itu pun dia turun ke tanah digomol parang di dalam hutan dia berjalan seorang diri. Sangat sedih di dalam hati tidak terkira.

Hei....Hei....Hei....

Dia berjalan seorang diri di padang, dia masuk kampung, keluaq kampung, dia masuk padang, sampai di hutan.

(CAAL)

Ungkapan “Dia fikir panjang. Panjang sungguh.” memperlihatkan kecenderungan AAL untuk berfikir secara berlebihan atau *overthinking*. Situasi ini mencerminkan salah satu ciri dominan dalam *neurotisisme* tinggi, iaitu kebiasaan mengulang-ulang fikiran negatif sehingga menjerumuskan diri ke dalam kebimbangan dan rasa tidak berdaya. Pemikiran yang tidak menemui solusi akhirnya menyebabkan emosi AAL menjadi semakin rapuh.

Frasa “Dia hilang ni punca.” pula menzahirkan kehilangan arah dan rasa ketidakupayaan mengawal keadaan (*helplessness*). Individu dengan tahap *neurotisisme* yang tinggi lazimnya berasa terperangkap dalam keadaan tanpa jalan keluar dan keadaan ini mendorong mereka kepada tekanan jiwa yang lebih parah. Hal ini jelas berlaku pada AAL, yang akhirnya gagal mencari makna hidup.

Selain itu, penggambaran “berjalan seorang diri” membawa simbol kepada pengasingan diri (*withdrawal*). Sikap ini menandakan wujudnya mekanisme melarikan diri daripada realiti, yang sering berlaku dalam kalangan individu yang sedang menanggung beban emosi. Ia juga berkait rapat dengan ciri *self-pitying* (mengasihani diri secara berlebihan) dan *self-conscious* (terlalu menyedari kelemahan diri), iaitu dua tanda utama *neurotisisme* tinggi.

Lebih ketara lagi, ungkapan “Sangat sedih di dalam hati tidak terkira” menjadi penegasan terhadap kerapuhan emosi AAL. Kesedihan yang tidak terkawal dan perasaan tertekan yang melampau menggambarkan sifat *vulnerable*, iaitu tidak kuat menghadapi tekanan hidup. Dalam konteks psikologi, keadaan ini memperlihatkan tahap kestabilan emosi yang amat rendah.

Keseluruhan gambaran ini menunjukkan bahawa AAL berada pada tahap neurotisme tinggi, dengan ciri-ciri seperti emosional, mudah terjejas, murung dan putus asa. Klimaks kepada keadaan ini ialah tindakan membunuh diri, yang mencerminkan kegagalan AAL untuk mengawal tekanan dalaman dan mengatasi rasa kecewa. Dari perspektif psikologi, perbuatan tersebut merupakan “klimaks neurotik” yang menunjukkan titik kemuncak gangguan emosi akibat ketidakupayaan menghadapi tekanan hidup.

Dalam kerangka sastera lisan pula, tragedi yang menimpa AAL memperlihatkan bagaimana cerita rakyat berfungsi menyampaikan pengajaran moral. Penceritaan yang penuh emosi bukan sahaja membangkitkan simpati khalayak, tetapi juga menegaskan mesej bahawa ketidakmampuan mengawal emosi dan mudah berputus asa boleh membawa kepada kemusnahan diri. Kisah AAL seterusnya menjadi peringatan bahawa daya tahan psikologi (*hardiness*) amat penting dalam menempuh cabaran hidup, dan kekuatan jiwa perlu dipupuk agar tidak mudah tenggelam dalam tekanan.

Selain itu, watak wira dalam *CAADSJ* dan *CAB* turut menonjolkan sisi keperibadian yang sarat dengan masalah emosi yang akhirnya memberi kesan langsung terhadap kehidupan mereka. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, *CAADSJ* memaparkan watak wira sebagai personaliti yang sangat berprinsip tentang kepentingan wang dalam kehidupan. Namun, keterikatan yang berlebihan terhadap nilai material ini akhirnya menjadikan beliau dianggap sebagai orang gila oleh masyarakat sekeliling. Keadaan ini memperlihatkan konflik dalaman antara prinsip diri dengan realiti sosial sekeliling.

Sementara itu, dalam *CAB*, wira digambarkan sebagai seorang yang lurus bendul dan naif. Walaupun sifat ini pada awalnya kelihatan sebagai tanda kejujuran, tetapi hal ini juga memveri gambaran yang watak tersebut dalam keadaan yang memperlihatkan kedunguan serta kegagalan dalam menyesuaikan diri dengan cabaran sosial.

Kedua-dua watak ini secara jelas berkait rapat dengan dimensi neurotisme dalam teori personaliti, iaitu kecenderungan individu mengalami kestabilan emosi yang rendah, perasaan mudah terancam serta ketidakmampuan mengawal tekanan dalaman. Justeru, gambaran ini menunjukkan bahawa dalam tradisi cerita Awang Batil, wira bukan sahaja dipotretkan sebagai sosok berani dan berdaya juang, tetapi juga manusia biasa yang rentan terhadap kelemahan psikologi.

KESIMPULAN

Cerita Awang Batil disampaikan secara langsung oleh tukang cerita dengan naratif yang ringkas tanpa penggunaan bahasa tersirat. Walau bagaimanapun, kelima-lima dimensi personaliti Big Five tetap dapat dikesan. Ketiga-tiga cerita yang dianalisis memperlihatkan dimensi personaliti tersebut, dan daripada ketiga-tiganya, *CAADSJ* merupakan cerita yang paling dominan menampilkan kelima-lima dimensi yang dikemukakan dalam teori tersebut. Dimensi *Openness* dan *Conscientiousness* menonjolkan keberanian, kreativiti, disiplin serta kecekalan wira seperti dalam *CAAL*, *CAB* dan *CAADSJ*. Sifat *Extraversion* dan *Agreeableness* pula terlihat melalui keperibadian yang peramah, mudah berinteraksi, bertolak ansur, jujur, dan peduli terhadap keharmonian sosial. Sementara itu, *Neuroticism* memperlihatkan sisi lain wira yang berdepan tekanan emosi, kebimbangan, dan konflik dalaman.

Gambaran keseluruhan ini menegaskan bahawa wira dalam cerita Awang Batil bukan sahaja simbol keberanian dan kejujuran, tetapi juga manusia biasa yang tidak terlepas daripada

kelemahan psikologi. Penerapan Teori *Big Five* dalam sastra tradisional turut membuktikan keupayaannya mengenal pasti dan menonjolkan keragaman psikologi watak, sekali gus memperdalam pemahaman terhadap nilai moral, emosi, dan dinamika sosial yang terkandung dalam naratif lisan Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa teori tersebut relevan dan efektif sebagai kerangka analisis personaliti watak dalam teks tradisi, di samping membuka ruang kepada kajian yang lebih terperinci mengenai sifat, motivasi dan perkembangan watak dalam cerita rakyat.

Kajian ini memberi sumbangan penting dengan mempelbagaikan tafsiran naratif Awang Batil melalui pendekatan psikologi moden yang memperluas horizon analisis tradisi lisan dalam bidang kesusasteraan Melayu yang secara tidak langsung mengukuhkan bidang psikologi sastra dengan menampilkan keanjalan teks tradisi untuk ditafsirkan dalam pelbagai kerangka ilmu, di samping menyumbang kepada usaha pemeliharaan warisan budaya melalui pengangkatan wira Awang sebagai cerminan nilai, jati diri dan personaliti bangsa. Dari sudut implikasi, kajian ini berpotensi menginspirasi generasi muda dalam pembinaan jati diri, kepimpinan dan daya tahan berasaskan nilai psikologi positif yang terakam dalam kisah watak wira Awang. Di samping itu, ia membuka ruang penyelidikan lanjutan terhadap cerita Awang Batil yang lain mahupun tradisi lisan Melayu yang serupa dengan menggunakan pendekatan interdisiplin. Kajian ini juga berperanan menghidupkan semula minat masyarakat terhadap seni tradisi dengan menegaskan kerelevanannya dalam wacana budaya dan cabaran kontemporari.

PENGHARGAAN

Kajian ini dilaksanakan melalui peruntukan geran Program Citra Akademik untuk Komuniti dan Alam (CAKnA), bertajuk Kelestarian Tradisi Lisan Awang Batil melalui Inisiatif Komuniti: Dokumentasi dan Pengukuhan Identiti Budaya Melayu-Perlis (RU2025-T202A), di bawah Pusat Jalinan Masyarakat Universiti Malaya (UMCares).

RUJUKAN

- Aras, G. (2015). Personality and literature. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 185, 250–257. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.03.452>
- Bahri, S., Siagian, N., & Tarigan, R. (2024). An analysis of the Big Five Personality (OCEAN) on the characters in Garth Jennings' movie *Sing*. *International Journal of English Language, Literature, and Cultural Studies in Humanities (IJELLACUSH)*, 2(3), 12–32. <https://doi.org/10.59024/ijellacush.v2i3.898>
- Block, J. (1995). A contrarian view of the five-factor approach to personality description. *Psychological Bulletin*, 117(2), 187–215. <https://doi.org/10.1037/0033-2909.117.2.187>
- Campbell, J. (1949). *The hero with a thousand faces*. Princeton University Press.
- Costa, P. T., & McCrae, R. R. (1992). *Revised NEO Personality Inventory (NEO-PI-R) and NEO Five-Factor Inventory (NEO-FFI) professional manual*. Psychological Assessment Resources.

- Costa, P. T., & McCrae, R. R. (1995). Domains and facets: Hierarchical personality assessment using the Revised NEO Personality Inventory. *Journal of Personality Assessment*, 64(1), 21–50. https://doi.org/10.1207/s15327752jpa6401_2
- Digman, J. M. (1990). Personality structure: Emergence of the five-factor model. *Annual Review of Psychology*, 41, 417–440. <https://doi.org/10.1146/annurev.ps.41.020190.002221>
- Goldberg, L. R. (1993). The structure of phenotypic personality traits. *American Psychologist*, 48(1), 26–34. <https://doi.org/10.1037/0003-066X.48.1.26>
- John, O. P., Naumann, L. P., & Soto, C. J. (2008). Paradigm shift to the integrative Big Five trait taxonomy: History, measurement, and conceptual issues. In O. P. John, R. W. Robins, & L. A. Pervin (Eds.), *Handbook of personality: Theory and research* (3rd ed., pp. 114–158). Guilford Press.
- Kraczla, M. (2017). Personality profiling according to the Big Five Model by P. T. Costa and R. R. McCrae: Comparison analysis of managers and specialists. *Regional Formation and Development Studies*, 22(2), 77–91. <https://doi.org/10.15181/rfds.v22i2.1479>
- Krappe, A. H. (1930). *The science of folklore*. Methuen.
- Madiawati Mamat@Mustaffa, & Maizira Abdul Majid. (2024). Estetika seni dalam instrumen tradisi lisan Awang Batil. *Jurnal Melayu*, 23(2), 39–58. ISSN 1675-7513.
- Malike, I. (2008). *Mengurus konflik*. IBS Buku Sdn. Bhd.
- McCrae, R. R., & Costa, P. T. (1997). Conceptions and correlates of openness to experience. In R. Hogan, J. Johnson, & S. Briggs (Eds.), *Handbook of personality psychology* (pp. 825–847). Academic Press. <https://doi.org/10.1016/B978-012134645-4/50032-9>
- McCrae, R. R., & Costa, P. T. (1997). Personality trait structure as a human universal. *American Psychologist*, 52(5), 509–516. <https://doi.org/10.1037/0003-066X.52.5.509>
- McCrae, R. R., & Costa, P. T. (2008). The Five-Factor Theory of personality. In O. P. John, R. W. Robins, & L. A. Pervin (Eds.), *Handbook of personality: Theory and research* (3rd ed., pp. 159–181). Guilford Press.
- McCrae, R. R., & John, O. P. (1992). An introduction to the five-factor model and its applications. *Journal of Personality*, 60(2), 175–215. <https://doi.org/10.1111/j.1467-6494.1992.tb00970.x>
- McCurdy, H. G. (1950). Literature as a resource in personality study: Theory and methods. *The Journal of Aesthetics and Art Criticism*, 8(1), 42–46. <https://www.jstor.org/stable/425838>
- Mohamad Luthfi Abdul Rahman. (2015). Awang Batil dan Pura Taman: Suatu perbandingan tradisi penglipur lara Melayu dan Orang Asli. *ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan*, 5(1), 49–64.
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Akif Faizullah Jamaludin, & Muhammad Nur Saiful Ghazali. (2016). Kedudukan penglipur lara Awang Batil dalam era kontemporari kini. Dalam Jelani Harun & Mohamad Lutfi Abdul Rahman (Peny.), *Prosiding Seminar Tradisi Lisan Serantau: Warisan Nusantara Merentas Zaman dan Media* (hlm. 326–340).
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Nilai-nilai murni dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan. *Jurnal Melayu, Isu Khas*, 157–170. ISSN 1675-7513.
- Mohd Ghouse Nasuruddin. (1991). *Muzik Melayu tradisi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Shahremy Ikmal Shahbudin, & Nuraini Yusoff. (2017). ‘Kata ciptaan’ remaja personaliti ‘neurotisme’ di blog. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(1), 239–252. <https://doi.org/10.17576/gema-2017-1701-14>

- Mohd Shahremy Ikmal Shahbudin. (2021). Kecenderungan neurotisme melalui karakteristik emosional dalam personaliti watak karya kreatif. *Malay Literature*, 34(1), 129–152. [https://doi.org/10.37052/ml34\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/ml34(1)no7)
- Mohd Syamril Aklmar Chek Kassim. (2014). Penglipur lara Awang Batil: Nilai, fungsi dan falsafah dalam penyampaian (cerita dan lagu). Dalam *Symposium of International Languages & Knowledge (SILK)*. Pusat Bahasa Antarabangsa Universiti Malaysia Perlis.
- Mohd Taib Osman. (Peny.). (1991). *Pengkajian sastera rakyat bercorak cerita*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurafrina Abdul Aziz, Rohaya Md. Ali, & Mohamed Nazreen Shahul Hamid. (2025). Neurotisme dalam novel thriller psikologi Malaysia dan England: Satu kajian perbandingan watak dalam novel *Rahsia Perindu* (2005) dan *The Silent Patient* (2019). *Malay Literature*, 38(1), 145–174. [https://doi.org/10.37052/ml38\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/ml38(1)no7)
- Propp, V. (1968). *Morphology of the folktale* (L. Scott, Trans.; 2nd ed., rev. by L. A. Wagner). University of Texas Press. (Original work published 1928)
- Robinson, D. (1950). Personality theory and the study of human nature. *The British Journal of Psychology*, 41(1), 15–25. <https://doi.org/10.1111/j.2044-8295.1950.tb00266.x>
- Thompson, S. (1955–1958). *Motif-index of folk-literature* (6 vols.). Indiana University Press.
- Widiger, T. A., & Oltmanns, J. R. (2017). Neuroticism is a fundamental domain of personality with enormous public health implications. *World Psychiatry*, 16(2), 144–145. <https://doi.org/10.1002/wps.20411>
- Zawiyah Zali, & Shahlan Surat. (2022). Mengenal pasti faktor personaliti ‘Big Five’ terhadap prestasi pembelajaran: Satu kajian sistematik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), 1–15. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1271>

Biodata Penulis:

Madiawati Mamat@Mustaffa (Ph.D) ialah Pensyarah Kanan di Program Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam Kesusasteraan Melayu dari Universiti Putra Malaysia, serta Sarjana dan Sarjana Muda Pengajian Melayu dari Universiti Malaya. Bidang kajiannya merangkumi Kesusasteraan Elektronik, Estetika Kesusasteraan dan Kesusasteraan Lisan Melayu.

Nurhamizah Hashim (Ph.D) ialah Pensyarah Kanan di Program Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (2006) dan Sarjana (2008) dalam Kesusasteraan/Pengajian Melayu dari Universiti Malaya, serta Ph.D dalam Kesusasteraan Melayu Moden (Sastera Kanak-kanak dan Remaja) dari institusi yang sama pada tahun 2015. Bidang kajiannya merangkumi Sastera Kanak-kanak, Sastera Remaja, Kritikan Sastera, Sastera Drama serta Pengurusan dan Pengajaran Sastera Melayu.

Nurhanis Sahiddan (Ph.D) ialah Pensyarah Kanan di Program Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Beliau memperoleh Ph.D dalam Kesusasteraan Melayu dari Universiti Malaya, Sarjana dalam Kesusasteraan Dunia dari Universiti Putra Malaysia dan Sarjana Muda dalam Bahasa dan Kesusasteraan Inggeris dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Bidang kepakarannya meliputi Kesusasteraan Pascakolonial, Identiti Melayu, Nasionalisme serta Kesusasteraan Malaysia dalam bahasa Inggeris.